



PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 3/2002
SENARAI KEHADIRAN BAGI PELATIH YANG MENJALANI LATIHAN PRAKTIKAL
DI BAWAH SKIM LATIHAN GRADUAN

1 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan penyedia latihan mengenai penggunaan borang Senarai Kehadiran yang baru bagi merekodkan kehadiran pelatih yang mengikuti latihan praktikal (attachment) di bawah Skim Latihan Graduan.

2 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak PSMB mendapati majikan-majikan yang mengambil pelatih menjalani latihan praktikal di tempat mereka telah keliru dengan penggunaan borang Senarai Kehadiran Pelatih (Borang [PSMB/SLG/T2/01](#)) sehingga menyebabkan elaun bulanan pelatih lewat dibayar.
- 2.2 Bagi mengatasi masalah ini, PSMB telah mengeluarkan borang baru iaitu Borang PSMB/SLG/T4/02, khas untuk merekodkan kehadiran pelatih yang mengikuti latihan praktikal di premis majikan. Contoh borang ini adalah seperti di Lampiran A.

3 PENGGUNAAN

- 3.1 Setiap pelatih yang dihantar untuk mengikuti latihan praktikal perlu membawa bersama mereka borang [PSMB/SLG/T4/02](#) yang telah siap diisi dengan maklumat ringkas mengenai majikan, pelatih dan kursus yang diikuti dan maklumat-maklumat ini adalah menjadi tanggungjawab penyedia latihan untuk mengisinya. Oleh kerana tempoh latihan praktikal di premis majikan adalah untuk selama dua bulan, maka, borang [PSMB/SLG/T4/02](#) ini perlu diisi dalam dua salinan iaitu satu bagi setiap bulan.
- 3.2 Adalah menjadi tanggungjawab penyedia latihan juga untuk memaklumkan majikan bahawa Senarai kehadiran ini perlu berada di dalam kawalan majikan terbabit pada setiap masa dan setiap tandatangan pelatih hendaklah disaksikan oleh mereka bagi mengelakkan penipuan.
- 3.3 Penggunaan borang ini adalah sama seperti borang PSMB [PSMB/SLG/T2/01](#) iaitu hanya **difakskan terlebih dahulu kepada PSMB pada tarikh 24 haribulan setiap bulan dan kemudiannya dihantar melalui pos biasa bagi salinan ASAL**. Contoh pengisian borang ini adalah seperti di Lampiran B.

4 PENUTUP

- 4.1 Penyedia latihan adalah diminta untuk memaklumkan setiap majikan mengenai peraturan dan penggunaan borang Senarai Kehadiran baru ini demi untuk melicinkan lagi pelaksanaan Skim Latihan Graduan.
- 4.2 Untuk mendapatkan keterangan lanjut, pegawai PSMB yang boleh dihubungi adalah: -

(i) Hisyamuddin bin Mohd. Hassan

- (nombor telefon : 03-2098 4901)
- (ii) Norazlin binti Baharom
(nombor telefon : 03-2098 4900)

5. TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pekeliling Penyedia Latihan ini berkuat kuasa mulai 24 Jun 2002 dan hendaklah digunakan bagi latihan praktikal yang bermula pada 24 Jun 2002 termasuk bagi pelatih yang mengikuti latihan untuk bulan kedua.

Sekian, terima kasih.

**"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN NEGARA"
"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"**

Saya yang menurut perintah,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN
Pengarah Kewangan
b.p Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

